

01 APR 1999

BSKL-PENARAFAN

BSKL MENGUKUH 4.92 PERATUS BERIKUTAN RAMALAN PENARAFAN POSITIF

Oleh: Nuryushida Laily Yusof

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur memperlihatkan pemulihan mengagumkan hari ini dengan bantuan penarafan positif tentang Malaysia serta syarikat-syarikat penting oleh agensi-agensi penarafan asing, yang sebelum ini sentiasa mengkritik langkah-langkah pemulihan ekonomi negara ini.

Penarafan yang bertambah baik ini mencerminkan penerimaan masyarakat perniagaan tempatan dan antarabangsa bahawa langkah-langkah tersebut sebenarnya boleh berjaya menarik Malaysia keluar daripada kemelesetan, seperti yang ternyata daripada penguncupan ekonomi sebanyak 6.7 peratus tahun lalu.

Penanda aras Indeks Komposit Kuala Lumpur mencatat peningkatan 4.92 peratus petang tadi dan ditutup pada 527.56, yang merupakan petunjuk awal bahawa keyakinan pelabur telah kembali, kata seorang penganalisis di sebuah firma sekuriti sokongan bank di sini hari ini.

Jumlah saham yang diurus niaga di BSKL melonjak kepada 165.796 juta bernilai RM359.475 juta, dan ini adalah hampir sekali ganda jumlah dagangan pada hari Rabu iaitu sebanyak 84.342 juta bernilai RM180.670 juta.

"Semua orang nampaknya yakin tentang ekonomi sekarang. Kebanyakan mereka percaya bahawa tempoh paling gawat telah berakhir bagi kita," katanya.

Menurut penganalisis itu, pelabur-pelabur telahpun mengambil sikap optimis terhadap ekonomi Malaysia pada awal Rabu, malah sebelum laporan tahunan Bank Negara Malaysia 1998 diumumkan petang semalam.

"Bila laporan itu keluar, pasaran menjadi semakin teguh awal hari ini," katanya.

"Tapi, sebaik sahaja berita mengenai ramalan penarafan Standard & Poor's dan Morgan Stanley Dean Witter tersebar kemudiannya, keadaan menjadi semakin baik," tambahnya.

Pagi tadi, agensi penarafan antarabangsa Standard & Poor's menyemak ramalannya mengenai Malaysia kepada stabil daripada negatif.

Ia juga menyemak ramalan penarafan matawang asing jangka panjang bagi tiga firma gergasi Malaysia -- Petroliam Nasional Bhd (Petronas), Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd -- kepada stabil daripada negatif.

Pusat pelaburan asing, Morgan Stanley juga memberikan laporan cemerlang mengenai Malaysia hari ini dengan berkata bahawa Malaysia merupakan kredit berkualiti tertinggi di Asia, melebihi jiran-jiran serantaunya dan purata syarat-syarat kesolvanan kredit dan langkah mudahtunai BBB.

Hakikat bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah selamat pulang dari Mekah pada hari Rabu juga menyumbang kepada peningkatan pasaran saham tersebut hari ini, kata penganalisis itu.

Saham-saham kewangan menjadi pilihan utama pelabur-pelabur hari ini dan ini mungkin boleh dikaitkan dengan langkah mengetatkan peraturan mengenai operasi perbankan yang diumumkan oleh Bank Negara baru-baru ini, katanya.

Semalam, bank pusat itu menyatakan bahawa ia akan mengambil 200 pekerja bagi mengendalikan tambahan penyeliaan dan pemeriksaan di institusi-institusi perbankan, termasuk cawangan-cawangannya.

Satu lagi perkembangan penting yang diumumkan oleh Bank Negara ialah untuk menghapuskan sistem perbankan dua tahap tidak lama lagi bagi mengelakkan kemungkinan bank-bank mendapatkan pinjaman bagi memenuhi kriteria modal saham Tahap 1. -- BERNAMA

NLY KY OS

